

UOB Asset Management Tingkatkan pengetahuan pelaburan anda dalam hanya satu minit #OneMinInsight

Ikhasas CPO beli dua syarikat Indonesia daripada TDM

Mac 21, 2022 @ 8:13pm



Tingkatkan pengetahuan pelaburan anda dengan hanya seminit #OneMinInsight

UOB Asset Management



TDM Bhd

KUALA LUMPUR: TDM Bhd menerima tawaran daripada Ikhasas CPO Sdn Bhd untuk membeli kepentingan ekuiti dalam PT Rafi Kamajaya Abadi (RKA) dan PT Sawit Rezeki Abadi (SRA).

Katanya, cadangan penjualan itu meliputi 93.75 peratus dan 95 peratus kepentingan ekuiti dalam RKA dan SRA masing-masing daripada TDM serta 6.25 peratus dan lima peratus kepentingan ekuiti dalam RKA dan SRA, masing-masing daripada pemegang saham minoriti berjumlah RM115 juta tunai.

"Penerimaan surat tawaran membolehkan pihak-pihak berunding secara eksklusif dalam tempoh eksklusif dan menyatakan persefahaman dan niat pihak-pihak," katanya dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

Kumpulan itu juga berkata, cadangan penjualan itu memberi peluang kepada TDM dan anak syarikatnya untuk keluar daripada operasi Indonesia dan menumpukan sumbernya kepada operasi Malaysia.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Pelabur asing beli semula saham tempatan
- Konsortium 5G SMTrack di peringkat akhir dapatkan projek
- Pelabur asing pembeli bersih saham tempatan minggu lalu
- Tentera darat, rakyat bersama lindungi negara

"Syarikat yang dijual itu mengalami kerugian sejak tiga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, 2019 dan 2020 serta dijangka tidak akan menguntungkan dalam tempoh terdekat," katanya.

Ia berkata bahawa tawaran itu hendaklah bersyarat ke atas TDM dan syarikat yang dijual memenuhi syarat khusus tertentu yang dipersetujui dalam tempoh enam bulan dari tarikh penerimaan tawaran TDM atau tempoh yang lebih lama seperti yang dipersetujui antara pihak.

TERKINI PILIHAN PEMBACA

- 2m MoU kerajaan, pembangkang gagal berfungsi seperti diharapkan
- 4m Anne lali GTAS dilabel persatuan 'artis sendu'
- 4m Inisiatif kerjasama baharu rancakkan pembukaan sempadan KL-Hanoi
- 19m Media sosial medan pelajar serlah potensi, kemampuan diri
- 28m Bursa Malaysia dibuka rendah
- 34m Insiden tembakan peluru berpandu India boleh cetus 'perang tidak sengaja' - Pakistan
- 34m Ringgit dibuka rendah berbanding dolar AS
- 34m Fasa peralihan ke endemik perlu SOP berkesan